

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**@ SAHIBUDDIN, FASc**  
**NAIB CANSELOR UiTM**

**Sempena**  
**MAJLIS**  
**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)**  
**DAN MEMORANDUM PERSETUJUAN (MOA)**  
**ANTARA**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**DENGAN**  
**INDUSTRI**

**5 JANUARI 2024**  
**FAKULTI SAINS KESIHATAN**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**Bismillahirrahmanirrahim.**

- **Yang Berbahagia... XXX**
- **Para pensyarah, dan hadirin yang saya hormati  
sekalian.**

**Salutasi – Berdasarkan kehadiran.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Persetujuan (MOA) antara Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA dan industri.

2. Terlebih dahulu, saya mewakili UiTM mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan industri ke

UiTM. Selamat datang dan terima kasih atas jalinan kerjasama yang bakal terlaksana ini.

3. Saya percaya, majlis pada hari ini sangat penting bukan hanya kepada UiTM, malah kepada semua pihak industri yang terlibat. Dalam memastikan misi UiTM untuk melahirkan tenaga profesional yang mempunyai kebolehpasaran graduan dapat tinggi, kerjasama ini secara tidak langsung, memberikan pengiktirafan kepada rakan-rakan industri terhadap kepentingan membantu UiTM merealisasikan misi tersebut.

**Hadirin dan hadirat yang saya hormati,**

4. UiTM menggalas mandat besar untuk melahirkan seramai mungkin bakat terbaik untuk negara. Namun, mandat ini tidak dapat dilaksanakan secara bersendirian. Segala kelebihan dan kekuatan yang ada pada rakan-rakan industri diperlukan bagi merealisasikan.

5. Justeru, saya percara kerjasama yang dijalinan bersama industri ini dapat melonjakkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada graduan pada tahap yang lebih berkesan dan agresif, seterusnya mencipta ruang dan menawarkan peluang untuk pihak industri menerima dan manfaat ilmu dan kepakaran yang ada di universiti.

6. Bidang Sains Kesihatan adalah salah satu industri yang berpotensi besar bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat global.

7. Saya amat berharap, melalui kerjasama ini, aktiviti penyelidikan, inovasi, perkongsian teknologi dan kepakaran khususnya dalam bidang ini dapat dirancarkan lagi. Dalam masa yang sama, kita dapat sama-sama membantu dan menyokong segala usaha kerajaan bagi memastikan rakyat menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

8. Pihak fakulti juga boleh mengambil peluang ini untuk melaksanakan semakan dan penyelarasan

kandungan pengajian program secara strategik dengan rakan-rakan industri ini.

9. Maklum balas, saranan dan kritikan membina yang diterima pastinya dapat membantu UiTM memastikan kandungan dan cakupan pengajian sentiasa selaras dengan keperluan semasa dan berupaya menyediakan graduan dan bakat tempatan yang relevan.

**Hadirin sekalian,**

10. Semoga segala perancangan yang telah diatur dapat kita laksanakan dengan sebaiknya. Kerjasama ini juga akan dijadikan asas kepada perkongsian ilmu yang bergerak secara terus dengan perkembangan yang memberikan manfaat kepada semua belah pihak. Insya-Allah.

11. Sudah pastinya, kerjasama ini sebagai bukti komitmen yang tinggi daripada semua pihak dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan tenaga mahir dalam bidang sains kesihatan di negara ini. Akhir

kata, sekalung tahniah kepada Fakulti Sains Kesihatan dan rakan industri dalam menjayakan MoA, MoU dan majlis ini.

**Sekian,**

**Wabillahi taufiq wal hidayah**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**